

Mahathir: Perlantikan TPM boleh dibuat bila - bila masa

UM 5 MAY 1986

KUALA LUMPUR 4 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membayangkan bahawa masih terdapat masa yang terluang untuk memikirkan soal perlantikan seorang Timbalan Perdana Menteri berikutan perletakan jawatan kedua tertinggi itu oleh Datuk Musa Hitam awal tahun ini.

Perdana Menteri menegaskan pengumuman mengenai perlantikan seorang Timbalan Perdana Menteri boleh dibuat bila

bila masa antara sekarang dan sehingga ia menjadi satu kenyataan.

"Pihak - pihak berkenaan khususnya media massa boleh terus membuat ramalan mengenai pengganti Datuk Musa kerana tidak salah dalam membuat spekulasi," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Restoran Terapung Nelayan Titiwangsa di sini.

Datuk Musa meletakkan kedua - dua jawatan kabinetnya selaku Timbalan

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri yang berkuatkuasa mulai 16 Mac lalu. Beliau bagaimanapun mengekalkan jawatan parti sebagai Timbalan Presiden UMNO.

"Mungkin anda (wartawan) lebih mengetahui dalam soal ini (perlantikan Timbalan Perdana Menteri) dan saya perlu bertanya kepada anda," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Ditanya mengenai kenyataan Yang Dipertua PAS, Haji Yusof Rawa hari ini yang menyatakan bahawa PAS tidak lagi akan mengadakan sebarang dialog dengan UMNO kerana meragui kejujuran pucuk pimpinan UMNO, Perdana Menteri bagaimanapun enggan mengulas.

Perdana Menteri juga enggan mengulas ketika ditanya apakah UMNO juga akan berhenti dari mengadakan sebarang dialog dengan parti pembangkang itu ke arah mencari jalan penyelesaian kepada masalah perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini.

Mengenai pertemuan beliau dengan Yang di-Pertuan Agong pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa beliau sering mengadap Seri Paduka Baginda dan tidak menolak kemungkinan soal perlantikan

Menteri menggesa usahawan - usahawan tempatan supaya memberi penekanan kepada membangun dan mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam negeri kerana ia merupakan 50 peratus daripada pendapatan negara.

Usaha ini, katanya, adalah wajar dan penting memandangkan komoditi utama negara seperti getah, kelapa sawit dan timah yang menyumbang 50 peratus daripada pendapatan negara kini mendapat pasaran yang kurang baik akibat kemelesetan ekonomi dunia.

"Kita perlu menerokai lebih banyak peluang kegiatan ekonomi secara tempatan sementara menunggu harga barangan komoditi utama pulih semula kerana ekonomi dalam negeri adalah tangan kita sendiri," tambah Da-

tuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau menambah, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat konsep persyarikatan yang dianjurkan berjalan dengan licin dan memperoleh keuntungan dan faedah yang dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat negara ini.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Sharir Abdul Samad menegaskan pembangunan Restoran Nelayan Titiwangsa yang dijalankan hasil kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kementeriannya adalah sejajar dengan usaha mewujudkan lebih banyak kawasan taman di sekitar ibu kota.

Kompleks restoran terapan terbesar di Malaysia berharga kira - kira \$2 juta itu terletak di kawasan seluas 2.56 hektar dan diusahakan oleh Budaya Holdings.